

**PANDUAN AWAL BAGI  
PELAJAR-PELAJAR  
PASCA-SISWAZAH MALAYSIA  
YANG INGIN MENYAMBUNG PELAJARAN  
DI PERTH, WESTERN AUSTRALIA**



**Disediakan oleh :**

**Sekretariat**

**Persatuan Pelajar Pasca-Siswazah Malaysia – Western Australia  
(MyPSA-WA)**

**Web : <http://www.mypsa-wa.org>**

**Email : [support@mypsa-wa.org](mailto:support@mypsa-wa.org)**

**Dikemaskini pada : 22 Ogos 2010**

**Sumber : "The ABC of settling in Perth for Malaysians"**

**Kelab UMNO Western Australia**

**<http://www.umnoperth.blogspot.com>**

## **PENTING!!!**

### **PERINGATAN SEWA RUMAH**

**Assalamualaikum dan Salam Muhibbah,**

**Teman-teman MyPSA-WA dan MA-WAR sekalian,**

Pihak MyPSA-WA ingin memberikan sedikit peringatan kepada semua berkaitan medium untuk mendapatkan informasi berkaitan rumah sewa di Perth. Adalah dinasihatkan untuk menggunakan maklumat yang disalurkan dalam laman web yang "credible" sahaja seperti :

1. <http://www.reiwa.com>
2. <http://www.realestate.com.au>

Suka juga kami ingatkan khususnya kepada pelajar baru bahawa proses untuk menyewa rumah di sini hanya boleh diuruskan sendiri oleh saudara/ri apabila telah berada secara fizikal di Perth. Sebarang urusan sewa rumah yang dibuat sebelum ketibaan ke sini adalah dipercayai mempunyai unsur-unsur penipuan.

Peringatan ini kami hebahkan kerana maklumat terkini yang MyPSA-WA perolehi daripada Setiausaha Agung MASCA WA, Saudara Nik Yusof, bahawa terdapat seorang penuntut Master Malaysia yang telah tertipu apabila mendaftar dalam laman web [australia.accommodationforstudents.com](http://australia.accommodationforstudents.com)

**Modus operandinya :**

1. Bakal pelajar akan mendapat email daripada Landlord menyatakan kekosongan rumah bersama-sama dengan gambar rumah.
2. Turut diberikan ialah alamat rumah yang agak pelik seperti: 100 Murray St, Perth WA 6000 (sebenarnya hanya sebuah Health SPA).
3. Bayaran awal dikenakan : Security Deposit \$600 + \$1400 untuk 4 bulan advanced payment.
4. Apabila bayaran ingin dilakukan, tiba-tiba Landlord akan membuat cerita yang ada sesuatu insiden (seperti ibunya kemalangan dan perlu dibedah di luar negara) dan dia terpaksa keluar dari Perth, WA.
5. Kemudian, bayaran mesti dilakukan melalui Western Union diminta bayaran dibuat diluar daripada Perth, WA seperti ke Belfast dan lain-lain.
6. Setelah bayaran dilakukan, Landlord tiba-tiba meminta bayaran tambahan untuk membantu pembedahan ibunya atau keadaannya. Jika bakal pelajar

**tidak mahu, maka rumah yang bakal disewa itu akan dijual (which is really ridiculous!!).**

Kejadian yang menimpa sahabat kita ini telah juga dialami oleh pelajar-pelajar baru yang lain, dimana mereka juga telah menerima email yang serupa. Cuma kebanyakan mereka tidak mengendahkan email tersebut.

Justeru, pihak MyPSA-WA amat berharap perkara ini akan dihebah-hebahkan kepada sahabat-sahabat kita yang akan datang ke Perth pada masa akan datang dan juga dikalangan kita sendiri. Kami juga akan memaklumkan kepada pihak Konsulat Jeneral Malaysia di Perth dan MSDA di Sydney berkaitan kejadian ini supaya tidak akan berulang pada masa yang akan datang.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada pihak Konsulat Jeneral Malaysia – Perth (email : [mwperth@cgmpertth.net](mailto:mwperth@cgmpertth.net)) atau Pegawai Jabatan Penuntut Malaysia Australia (MSDA) di Perth (email : [msd@cgmpertth.net](mailto:msd@cgmpertth.net)) atau kepada pihak MyPSA-WA (email : [support@mypsa-wa.org](mailto:support@mypsa-wa.org)).

Sekian untuk makluman dan tindakan semua pihak.

Terima Kasih.

Wassalam dan Salam Perpaduan.

***"Bersama Kukuhkan MyPSA-WA"***

**Yang benar,**

**Sharunizam Shari**

**Presiden**

**MyPSA-WA sesi 2010/2011**

**email : [sharunizam.shari@gmail.com](mailto:sharunizam.shari@gmail.com), [president@mypsa-wa.org](mailto:president@mypsa-wa.org)**

**Bertarikh : 4 Julai 2010**

## Sebelum tiba di Perth

### 1. Cuba mengenali

- **Bakal penyelia [bagi pelajar pasca-siswazah sahaja]**

Anda perlu melakukan perkara ini terlebih dahulu. Berhubung dengan bakal penyelia/universiti anda sekerap mana yang anda mahu [mereka akan merasa lebih gembira untuk melayan anda dan pertanyaan anda]. Hubungan erat yang dibina pada peringkat permulaan akan menghasilkan perhubungan yang sihat antara anda dan mereka.

- **Universiti anda**

Anda seharusnya telah menerima bungkusan pra-ketibaan daripada universiti anda sebelum anda berlepas ke Perth. Pastikan anda telah menyemak dengan teliti bungkusan tersebut dan risalah-risalah/borang-borang yang diberikan. Jangan teragak-agak untuk menelefon mereka yang berkenaan [seperti yang dinyatakan di dalam bungkusan tersebut] jika anda ada sebarang pertanyaan atau keraguan.

- **Perth**

Selain dari persediaan untuk menyambung pelajaran, adalah amat baik jika anda dapat mencari sedikit maklumat mengenai kehidupan di Perth. Maklumat ini amat berguna untuk anda merancang kewangan, penempatan dan lain-lain. Terdapat banyak laman web mengenai kehidupan di Perth, atau cara lebih senang adalah dengan menggunakan Google/Yahoo. Berikut adalah laman web yang mungkin ada boleh pertimbangkan :

<http://www.international.uwa.edu.au>

<http://international.curtin.edu.au>

<http://international.murdoch.edu.au>

[http://www.westernaustralia.com/en/Destinations/Travel\\_Brochures/Pages/Muslim\\_Visitors\\_Guide\\_to\\_Western\\_Australia.aspx](http://www.westernaustralia.com/en/Destinations/Travel_Brochures/Pages/Muslim_Visitors_Guide_to_Western_Australia.aspx)

Di bawah adalah beberapa laman web termasuk senarai daftar jalan/peta Perth dan kawasan-kawasan berhampiran. Sebagai panduan, senarai berikut mungkin amat berguna apabila anda ingin mencari tempat-tempat utama di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan universiti anda [masjid, sekolah, pusat membeli-belah dsb]. Anda hanya perlu taip suburb-suburb yang berkaitan (seperti di bawah) dan negeri (WA):

- **The University of Western Australia** – suburbs termasuk Crawley, Nedlands, Dalkeith, Claremont, Subiaco
- **Curtin University of Technology** – suburbs termasuk Bentley, East Victoria Park, Victoria Park, Como, Karawara, Kensington, St. James
- **Murdoch University** – suburbs termasuk Murdoch, Kardinya, Samson, Coolbellup, North Lake, Leeming, Bull Creek, Bateman
- **Edith Cowan University** – suburbs termasuk Joondalup, Connolly, Currambine, Heathridge, Edgewater [Joondalup Campus] atau Mt. Lawley, North Perth, Maylands, Inglewood [Mt. Lawley campus]
- **Notre Dame University** – suburbs termasuk Fremantle, South Fremantle, Beaconsfield, White Gum Valley, North Fremantle

<http://www.street-directory.com.au>

<http://www.whereis.com>

## 2. Perancangan untuk penempatan sementara

Adalah dinasihatkan untuk anda mengaturkan penempatan sementara anda mengikut kemampuan anda sebelum datang ke Perth.

<http://www.international.uwa.edu.au>

<http://perth.gumtree.com.au>

<http://www.perthi.com.au>

Laman web ini hanyalah panduan sahaja. Anda boleh mencari sendiri di dalam internet untuk pilihan-pilihan yang lain. Kebiasaannya potongan harga dan kadar istimewa akan diberikan kepada anda jika tempahan hotel/motel dibuat lebih dari 3 hari.

Anda juga boleh memohon bantuan daripada pihak MyPSA-WA untuk menguruskan penempatan sementara. Bentuk bantuan penempatan sementara yang boleh diuruskan oleh pihak MyPSA-WA ialah Penempatan Homestay iaitu anda akan tinggal bersama-sama pelajar Malaysia senior di Perth yang mungkin mempunyai bilik yang tidak digunakan di rumah mereka. Bagi pelajar baru yang ingin tinggal di Penginapan Homestay Pelajar Malaysia disarankan untuk memberi sedikit bayaran saguhati kepada tuan rumah bagi menampung kos elektrik, air dan gas yang agak sedikit

mahal berbanding di negara kita. Kadar saguhati yang dicadangkan ialah **sebanyak AUD100 - AUD200 (+ AUD15 Saguhati ke Tabung Aktiviti MyPSA-WA dibayar sekali sahaja)** seminggu bergantung kepada bilangan ahli keluarga anda yang akan tiba dan tinggal di penempatan sementara serta bilangan hari menginap. Jumlah saguhati berkenaan juga bergantung kepada budi bicara tuan rumah.

Pihak MyPSA-WA juga boleh menguruskan untuk menjemput anda di Lapangan Terbang Antarabangsa Perth setibanya anda di Perth buat pertama kalinya. Pelajar Malaysia senior secara sukarela akan menjemput anda di lapangan terbang dan menghantar anda ke penginapan sementara. Anda juga disarankan memberi sedikit saguhati kepada pemandu sukarela berkenaan bagi menampung kos petrol dan juga caj tempat letak kenderaan di lapangan terbang ketika menunggu pesawat anda mendarat. Kadar saguhati yang ditetapkan adalah seperti berikut :

- **AUD25 bagi sebuah kereta + AUD10 Tabung Aktiviti MyPSA-WA** - penempatan sekitar Pusat Bandar Perth, Curtin University of Technology, The University of Western Australia (UWA), Murdoch University dan Notre Dame University
- **AUD40 bagi sebuah kereta + AUD10 Tabung Aktiviti MyPSA-WA** – penempatan sekitar Edith Cowan University (ECU)

Untuk memohon bantuan pihak MyPSA-WA bagi mengatur urusan penempatan, jemput di lapangan terbang pertama kali tiba dan bentuk bantuan-bantuan yang lain, anda diminta mengisi **Borang Pra-Ketibaan Pelajar Baru ke Western Australia** seperti berikut di bawah dan kami akan memberi maklum balas dengan seberapa segera.

<http://www.mypsa-wa.org/praketibaan.htm> [Borang Pra-Ketibaan Pelajar Baru ke WA]

### **3. Barang-barang yang perlu di bawa ke Perth**

Semasa semak daftar di kaunter pendaftaran sebelum berlepas ke Perth, anda harus memastikan berat beg/bungkusan anda tidak melebihi berat yang dibenarkan. Berat barang yang boleh dibawa cuma 25kg seorang, jika terlebih anda akan dikenakan bayaran sebanyak RM 75 per kg (bergantung kepada caj semasa). Tetapi jikalau anda ingin menjimatkan wang anda, anda boleh menggunakan “Uncompanied Services” (tidak beriring) yang akan tiba dengan kapal (laut) dalam masa 20-60 hari atau kapal terbang (udara) dalam masa 2-3 hari. Caj yang dikenakan adalah bergantung kepada caj semasa dan anda boleh merujuk terus kepada syarikat yang menguruskan pos samada pihak Pos Malaysia, syarikat kurier dan juga Malaysia Airlines (MAS) dan barang boleh dihantar samada melalui udara ataupun dengan menggunakan kapal laut. Caj yang dikenakan juga berbeza mengikut keadah penghantaran, berat dan juga masa untuk barang anda tiba di destinasi yang dituju.

#### **MAKANAN**

Sebelum anda mula merancang barang-barang yang perlu dibawa ke Perth, terutamanya barang-barang makanan, anda mungkin perlu menyemak peraturan Australian Quarantine dahulu. Layari laman web di bawah. Kebanyakan barang-barang dari Malaysia boleh di bawa ke sini.

Perlu diingatkan bahawa semua barangan tenusu dan makanan berasaskan tenusu tidak boleh dibawa masuk ke Australia, termasuk susu dan Milo. Walaubagaimanapun, mereka membenarkan kepada sesiapa yang mempunyai anak-anak kecil untuk membawa barangan tenusu ini di dalam kuantiti yang diperlukan semasa di dalam penerbangan sahaja seperti susu dan makanan bayi.

Pastikan anda telah melabelkan kesemua barangan makanan anda. Sila rujuk ke laman web seperti di bawah :

<http://www.daff.gov.au/aqis/travel> [Australian Quarantine & Inspection Service]

### **PAKAIAN**

Kebiasaannya, musim panas bermula dari Disember hingga Februari, diikuti musim luruh dari Mac hingga Mei, musim sejuk dari Jun hingga Ogos, dan musim bunga dari September hingga November. Walaubagaimanapun, bersedia untuk menghadapi musim panas dan musim sejuk yang lebih panjang, di mana pada musim sejuk adalah sukar dijangka kebelakangan ini. Semasa musim panas, suhu boleh mencapai setinggi 45° Celcius, manakala pada musim sejuk suhu boleh turun serendah -2° Celcius.

### **LAIN-LAIN**

Jika anda datang bersama keluarga, kami ingin menasihatkan anda untuk membawa sedikit peralatan berikut dari Malaysia termasuk :

- Set periuk dan kualiti
- Set pinggan mangkuk, cawan, sudu dan pisau
- “Toto” & beberapa bantal/kusyen

Set periuk, pinggan mangkuk dan barangan dapur yang seumpamanya memang ada dijual di Perth tetapi harganya agak mahal sedikit berbanding kos membeli barang berkenaan di Malaysia. Anda boleh membeli barangan elektrik seperti periuk nasi dan cerek air di sini.

Bagi pelajar yang mempunyai peruntukan wang yang lebih ketika memulakan kehidupan di Perth, boleh membeli keperluan seperti di atas setibanya di Perth dan tidak perlu bawa dari Malaysia.

## **4. Perkara berkaitan dengan Visa**

Semasa ketibaan di Perth, anda adalah diingatkan bahawa anda adalah tertakluk kepada visa pelajar di sini. Anda perlu mematuhi syarat-syarat visa anda atau risiko untuk dihantar pulang.

<http://www.immi.gov.au>

## 5. Merancang untuk bekerja di Perth

Secara umum peraturan bekerja adalah tertakluk kepada kekangan anda sebagai pelajar sepenuh masa iaitu 20 jam seminggu. Manakala bagi bilangan jam bekerja pasangan anda adalah tiada had masa bekerja ditetapkan. Maklumat terbaru yang diterima, anda tidak perlu lagi memohon "Permission To Work" kerana visa untuk pelajar Phd dan Master by Research telah disertakan dengan kebenaran untuk bekerja dan bagi pasangan secara automatik diberikan tiada had jam bekerja bermula apabila anda memulakan kursus anda.

Anda juga perlu mendapatkan nombor tax file untuk mengelakkan anda dikenakan kadar tax yang tinggi. Rangkaian maklumat untuk visa bekerja dan pendaftaran nombor tax file (TFN) disertakan seperti di bawah :

**Untuk menyemak visa bekerja:**

<http://www.immi.gov.au/students/students/574-1/how-the-visa-works.htm>

**Untuk memohon nombor tax file (TFN) :**

<http://www.ato.gov.au/taxprofessionals/content.asp?doc=/content/64067.htm>

## 6. Bantuan daripada pihak MyPSA-WA

Anda dinasihatkan untuk menghubungi pihak MyPSA-WA (Persatuan Pelajar Pasca-Siswazah Malaysia – Western Australia) untuk mendapatkan bantuan yang diperlukan sebelum tiba di Perth. Cara untuk menghubungi pihak MyPSA-WA ialah dengan menghantar email kepada [support@mypsa-wa.org](mailto:support@mypsa-wa.org) atau lebih mudah dengan melayari laman web seperti berikut :

<http://www.mypsa-wa.org>

Segala maklumat mengenai Perth dan maklumat mengenai universiti anda boleh perolehi daripada laman web berkenaan.

Anda juga dinasihatkan untuk **mengisi Borang Pra-Ketibaan Pelajar Baru ke Western Australia (WA)** supaya pihak MyPSA-WA dapat mengenalpasti bentuk bantuan yang boleh disalurkan sebelum dan setibanya anda di Perth.

<http://www.mypsa-wa.org/praketibaan.htm> [Borang Pra-Ketibaan Pelajar Baru ke WA]

## Selepas ketibaan di Perth

### 1. Kenderaan

Semasa tiba di Perth, adalah lebih baik jika anda dapat menyewa kereta. Ini bagi memudahkan anda bergerak ke satu tempat ke satu tempat yang lain dengan segera untuk mencari rumah, urusan pendaftaran dan membeli keperluan-keperluan rumah dan lain-lain. Di bawah adalah senarai syarikat penyewaan kereta :

<http://www.avis.com.au>

<http://www.europcar.com.au>

<http://www.acerent.com.au>

<http://www.thrifty.com.au>

<http://www.budget.com.au>

<http://www.m2000car.com.au>

<http://www.citycar.com.au>

<http://www.cheapcarrentals.com.au>

Anda juga dinasihatkan untuk membeli **Perth Street Directory** (senarai daftar jalan beserta peta di Perth). Harganya adalah berbeza bagi setiap kedai, oleh itu anda perlu mencari kedai-kedai yang menjual dengan harga yang lebih murah (AUD15-AUD30). Senarai daftar ini adalah sangat penting bagi memudahkan anda bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain atau sebagai panduan jika anda ingin mencari tempat-tempat yang anda tidak ketahui seperti pusat membeli-belah, kedai menjual makanan halal, sekolah, universiti dll. Senarai daftar ini juga merangkumi kesemua lima universiti di Western Australia. Anda juga boleh membeli set GPS Navigator di Harvey Norman, JB-HiFi, Dick Smith dan kedai-kedai seumpamanya dengan harga dalam lingkungan AUD150-AUD300 bergantung kepada jenis dan model.

### 2. Pendaftaran di Universiti

Lakukan seperti yang dinyatakan di dalam surat tawaran anda. Anda mungkin dikehendaki melakukannya dengan segera terutamanya jika anda dikehendaki untuk melakukannya di dalam internet.

Jika anda sudah mempunyai kad pelajar, anda perlu untuk membuka akaun bank di mana-mana institusi perbankan yang anda suka. Adalah dinasihatkan bagi anda membuka akaun dengan bank yang berada atau berdekatan dengan universiti anda. Sebagai panduan, terdapat Westpac Bank di UWA dan Bank West di Curtin. Anda perlu membawa kad pelajar [bagi pelajar], pasport dan surat pendaftaran universiti untuk membuka akaun. Bagi pasangan [bukan pelajar], anda perlu membawa pasport, dokumen-dokumen lain seperti kredit kad [kad kredit Malaysia adalah diterima] di mana anda perlu mencapai 100 mata untuk membuka akaun.

Pelajar baru perlu untuk menghadiri program orientasi bagi pelajar antarabangsa di universiti anda. Kami juga mengalakkan pelajar-pelajar baru untuk mengikut kunjungan ke perpustakaan dan sekitar universiti supaya anda dapat mengenali universiti anda dengan lebih dekat di peringkat awal. Di perpustakaan juga ada diadakan kursus-kursus dan seminar berterusan untuk pelajar-pelajar pra dan pasca-siswazah. Sila semak sendiri perkara ini melalui laman web universiti anda.

### **3. Penempatan**

Tidak dinafikan bahawa mencari rumah adalah urusan yang memerlukan kecekalan hati dan semangat yang kuat. Anda mempunyai pilihan untuk menyewa dari agen atau terus kepada tuan punya rumah. Rujukan yang baik adalah dengan melayari laman web real-estate.

Perkecilkan kawasan pencarian anda dan cari suburb-suburb yang mungkin boleh anda pertimbangkan. Perlu diingatkan bahawa bandar Perth adalah sesak di waktu puncak, maka adalah masih baik bagi anda mempertimbangkan suburb-suburb yang berada 15-20 minit dari bandar asalkan anda selesa dan mampu untuk mendiami rumah tersebut. Ini juga bergantung kepada samada anda merancang untuk membeli kereta atau ingin menggunakan pengangkutan awam.

<http://www.realestate.com.au>

<http://reiwa.com/1st/1st-resrent-search.cfm>

<http://perth.gumtree.com.au>

<http://www.perthi.com.au>

<http://www.aussiehome.com.au>

Masih ada pilihan lain iaitu dengan melihat senarai rumah untuk disewa di pejabat agen-agen, dalam akhbar-akhbar tempatan seperti Quokka atau di papan-papan notis di sekitar universiti anda atau di pusat-pusat membeli belah.

Walaupun bagaimanapun, kami ingin menasihati pelajar-pelajar baru untuk menghubungi University International office [Housing Services] terlebih dahulu untuk mendapatkan nasihat dan bantuan untuk mencari rumah atau bilik. Cuba anda hubungi mereka dahulu melalui email sebelum datang ke Perth dan maklumkan mengenai kedatangan anda dan mohon bantuan mereka untuk mencari rumah yang mampu untuk disewa. Setelah anda sampai di Perth, cuba pergi segera ke Housing Services selepas pendaftaran dan dapatkan bantuan dan khidmat nasihat dari mereka. Kebiasaannya mereka akan bertanya kadar maksimum sewa yang anda mampu, sebagai contoh AUD250-AUD300 seminggu dan mereka akan aturkan temujanji untuk melihat rumah [sama pada hari yang sama atau hari yang berikutnya]. Sebagai panduan, semakin tinggi sewa semakin baik kualiti rumah yang akan anda dapat. Perlu diingatkan bahawa anda mungkin perlu tinggal di kediaman sementara sehingga 1-2 minggu sebelum dapat berpindah ke rumah baru. Bagi pelajar pra siswazah, anda adalah dinasihatkan untuk menghubungi International Office untuk memohon untuk mendapatkan kediaman di dalam kampus [jika ada].

Langkah-langkah untuk mencari rumah sewa secara ringkas adalah seperti di bawah [melalui agen] :

1. Kenalpasti rumah dan nombor telefon agen untuk membuat temujanji melihat rumah.
2. Lihat kepada "Home Open" di dalam iklan rental properties di dalam surat khabar dan di dalam laman web di atas. Pertimbangkan rumah-rumah tersebut dahulu kerana ia akan disewa pada masa yang terdekat.
3. Buat catatan (semasa anda melayari rumah yang sedia untuk disewa) jumlah bilik, tarikh mula disewa dan peraturan penyewaan.
  - a. Secara umum, bagi keluarga yang mempunyai 3 orang anak anda perlu mendapatkan rumah 3 bilik. Anda mungkin tidak diterima bagi mendiami rumah yang lebih kecil daripada itu.
  - b. Cari rumah yang boleh disewa selama 12 bulan supaya anda tidak perlu lagi mencari rumah baru kelak dalam masa yang terdekat. Walaupun bagaimanapun, anda boleh berbincang dengan pihak agen kemudian.
4. Lihat dahulu rumah yang ingin disewa dan ambil borang permohonan jika berpuas hati.
5. Isi dan hantar borang permohonan menyewa rumah. Jangan lupa untuk menyertakan salinan kad pengenalan diri anda (lesen memandu WA, pasport, kad kampus dll), kad kredit (jika ada), penyata bank, surat pendaftaran dari universiti, surat sokongan dari supervisor atau PR di sini dll. Ini bagi melayakkan anda mendapatkan lebih mata ke dalam mata keseluruhan penilaian permohonan yang akan di nilai oleh pihak agen.
6. Isi borang dengan teliti dan tandatangan di tempat yang betul. Cuba bertanya kepada agen tarikh akhir menghantar borang permohonan. Jangan bertanggungjawab. Lebih cepat lebih baik. Pastikan anda membawa duit untuk membayar deposit rumah dan duit ini akan dikembalikan jika permohonan anda tidak berjaya.
7. Cuba lagi jika tidak berjaya.
8. Jika masih tidak berjaya perbesarkan skop kawasan/suburb pencarian rumah anda. Semakin jauh dari pusat bandar dan universiti semakin kurang persaingan, lebih murah sewa yang ditawarkan dan lebih besar rumah yang akan anda duduki.
9. Jika berjaya, pastikan anda mengisi laporan keadaan rumah semasa anda berpindah masuk ke rumah tersebut. Minta kepada agen untuk mengisi borang tersebut selama

- satu minggu. Laporan tersebut seharusnya memperincikan keadaan rumah yang anda duduki. Anda mempunyai peluang untuk tidak bersetuju dengan laporan tersebut jika terdapat kerosakan tetapi tidak di rekodkan di dalam laporan tersebut. Laporan ini akan dapat melindungi anda daripada kerosakkan yang bukan dilakukan oleh anda sepanjang anda mendiami rumah tersebut.
10. Sila baca maklumat di dalam rangkaian ini untuk mengumpulkan tip-tip untuk menyewa rumah.  
<http://www.realestate.com.au>
  11. Masa untuk berpindah masuk, dan bersedia untuk pemeriksaan rumah selepas 6 minggu anda menduduki rumah tersebut, selepas itu agen biasanya akan datang setiap 3 atau 6 bulan sekali untuk bukti anda telah menyelenggara rumah dengan baik.
  12. Selamat berjaya.

#### 4. Persekolahan anak-anak

Perlu diingatkan di sini bahawa adalah wajib untuk menghantar anak anda ke sekolah ketika anak berumur 5 tahun. Sebelum berlepas ke Perth anda seharusnya telah menerima Confirmation of Enrolment (CoE) daripada Pejabat Pendidikan Australia di Malaysia (IDP) untuk setiap anak berumur di atas 5 tahun. Bawa ia bersama-sama dengan pasport ke universiti anda membuat pendaftaran (selepas pendaftaran anda selesai) dan bercakap International Office mengenai pendaftaran persekolahan anak-anak anda. **Perhatian, walaubagaimanapun, urusan ini boleh dibuat selepas anda mendapatkan rumah.** Untuk makluman anda juga di bawah Visa sub-class 574 (pasca-siswazah dengan penyelidikan) anak-anak mereka yang memasuki sekolah kerajaan tidak dikenakan apa-apa bayaran. Anda hanya perlu membeli buku-buku, pakaian seragam dan sedikit sumbangan kepada sekolah (jumlah berbeza-beza mengikut sekolah masing-masing).

Terdapat beberapa sekolah/kolej Islam di Perth termasuk Islamic International College dan Al-Hidayah Islamic College. Anda boleh mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut melalui internet. Kadar yuran sekolah berbeza-beza mengikut sekolah dan anda perlu berhubung dengan pihak pengurusan sekolah untuk mendapatkan diskaun/kadar istimewa.

#### 5. Pemberitahuan alamat

Satu lagi perkara penting adalah memberitahu universiti anda alamat tempat tinggal anda dalam masa seminggu ketibaan. Kalau tiada, universiti akan menggunakan alamat di dalam visa anda. Anda boleh menggunakan alamat sementara dan mengemaskini alamat anda kemudian.

#### 6. Pembelian kereta, pengangkutan awam & lesen memandu di WA

Di sini anda mampu untuk mempunyai kereta dan anda boleh membeli sebuah kereta terpakai dengan harga AUD1500 dan ke atas. Lihat kepada tarikh luput pendaftaran kereta dan nilai atas jalan. Semasa anda membeli kereta pastikan kereta berkenaan berada di dalam keadaan baik

kerana anda mungkin perlu membayar dengan harga yang mahal memandangkan kadar servis dan penyelenggaraan kereta di sini adalah amat tinggi.

Maklumat terkini menyatakan bahawa lesen memandu Malaysia adalah diterima di WA. Walaubagaimanapun, anda perlu membuat terjemahan di dalam Bahasa Inggeris di Konsulat Jeneral Malaysia di Perth dengan harga AUD5 sahaja. Jika anda telah memohon lesen antarabangsa di Malaysia maka anda tidak perlu lagi menterjemahkan lesen anda. Walaubagaimanapun, kepada sesiapa yang ingin mendapatkan lesen memandu WA, anda perlu pergi ke Department of Transport, untuk pemeriksaan mata, ujian teori berkomputer dan ujian memandu. Sila lawati laman web Department of Transport di <http://www.transport.wa.gov.au> untuk maklumat lanjut. Lesen memandu WA mungkin amat berguna semasa anda ingin mencari rumah sewa baru dengan menambahkan banyak mata/markah ke dalam mata penilaian keseluruhan. Agen akan menilai penyewa yang layak berdasarkan kepada nilai mata terkumpul pemohon yang tertinggi.

Namun, pengangkutan awam di WA [termasuk bas dan keretapi] adalah amat efisien, selesa dan menepati masa. Anda boleh menikmati kadar istimewa pelajar yang murah jika anda mendapatkan kad Smart Rider (sila rujuk ke laman web di bawah). Kad ini boleh digunakan untuk pengangkutan bas, keretapi dan feri Transperth. Terdapat juga pengangkutan bas percuma iaitu Yellow Cat, Blue Cat dan Red Cat hanya bagi rangkaian perjalanan di sekitar pusat bandar dan juga perjalanan ke Fremantle. Anda boleh lihat butiran berkenaan pengangkutan awam WA di laman web berikut :

<http://www.transperth.wa.gov.au>

## **7. Pusat jagaan kanak-kanak**

Anda boleh menghantar anak-anak anda ke pusat jagaan kanak-kanak walau untuk satu hari seminggu. Walaubagaimanapun anda harus menetapkan hari tersebut, dan harus membayar bagi hari berkenaan. Anda boleh mencari sendiri berkenaan pusat jagaan ABC learning centres dan Mulberry Tree childcare, hanya menyebut dua nama. Harga bayarannya amat mahal iaitu lebih kurang AUD60-AUD80 satu hari. Alternatif lain adalah pusat 'family day care' atau lebih dikenali sebagai pusat komuniti dengan kadar bayaran separuh dari harga pusat jagaan kanak-kanak. Cuba cari maklumat lanjut di dalam internet berkenaan dengan perkara ini dan berhubung terus dengan setiap pusat jagaan kanak-kanak untuk mendapatkan kadar sebutharga.

## **8. Restoran dan kedai runcit**

Terdapat banyak kedai halal yang menjual barangan makanan dan runcit terutama kedai yang menjual daging-daging. Antaranya kedai-kedai halal adalah di Bentley, Victoria Park, Kardinya, Cannington, Langford, Thornlie, Mirrabooka dll. Anda boleh rujuk laman web di bawah untuk mencari kedai-kedai halal dan kedai-kedai runcit.

Restoran halal di dalam bandar termasuk Oleh-Oleh Café, Love & Care, Insan Café & Karache Café. Dan yang paling popular di kalangan pelajar-pelajar Malaysia adalah restoran Makan-

Makan di Victoria Park. Lokasinya berdekatan dengan Curtin University. Berhampiran dengan Restoran Makan-Makan adalah Restoran Mahsuri. Terdapat banyak restoran Turki di sekitar Perth. Tempat-tempat lain yang anda mungkin ingin pergi adalah Bintang Café [Victoria Park], Mak Indos Café [Centro, Victoria Park], Intan Café [Chapman Road, Bentley], Charcoal Chicken [Victoria Park dan Carousel], Restoran Izyan dan Rasa Nyonya Penang [Victoria Park]. Berdekatan dengan UWA adalah Broadway Shopping – terdapat beberapa kedai makan halal di sana termasuk Kebab Ararat yang menjual kebab dan pizza antara yang paling lazat di Perth.

Untuk membeli daging halal, tidak sukar untuk mendapatkannya di WA. Kepada mereka yang tinggal berhampiran dengan Curtin terdapat Bentley Halal Butcher [Malaysian + Singaporean's] dan A&S Meat Butcher [Centro Victoria Park bersebelahan Woolworth] Victoria Park. Untuk pengetahuan anda terdapat juga 100% café halal [Noodle House] di Curtin. Kepada yang belajar di Murdoch, terdapat Mecca Meat [Malaysians]. Manakala yang tinggal berdekatan UWA kebanyakannya akan pergi ke Mirrabooka Shopping Plaza untuk mendapatkan daging halal dan juga restoran halal. Selain daripada Mas Meat juga menyediakan servis penghantaran daging halal ke rumah.

Secara umumnya, anda boleh membeli produk-produk Malaysia e.g. Baba's, Adabi, Maggi, juga Kicap Kipas Udang di kebanyakan kedai-kedai runcit Asia (Kedai Oriental). Pasaraya-pasaraya utama e.g. Coles, Woolworths, & IGA juga ada menjual barangan makanan Asia.

[http://www.westernaustralia.com/en/Destinations/Travel\\_Brochures/Pages/Muslim\\_Visitors\\_Guide\\_to\\_Western\\_Australia.aspx](http://www.westernaustralia.com/en/Destinations/Travel_Brochures/Pages/Muslim_Visitors_Guide_to_Western_Australia.aspx)

Anda juga boleh mendapatkan senarai makanan halal, restoran dan kedai-kedai runcit :

<http://islam.iinet.net.au>

<http://www.aussiemuslims.net>

Manakala pasaraya-pasaraya utama adalah Coles, Woolworths, IGA, Kmart, Target dan BigW. Anda akan mengetahui lebih banyak pasaraya-pasaraya/pusat membeli-belah lain setelah anda biasa dengan jalan-jalan di sekitar tempat tinggal anda nanti.

Masa operasi kebanyakan pasaraya-pasaraya utama dan kedai-kedai adalah dari pukul 8 pagi hingga pukul 5 petang. Namun masa operasi bagi pasaraya-pasaraya dan kedai-kedai di lanjutkan sehingga pukul 9 malam setiap hari Khamis di kawasan suburb manakala di Pusat Bandar sehingga pukul 9 malam setiap hari Jumaat. Hampir kesemua pasaraya-pasaraya dan kedai-kedai ditutup setiap hari Ahad.

## **9.      Berpindah ke rumah baru & membeli barang-barang keperluan**

Terdapat banyak tempat-tempat untuk membeli barang-barang terpakai jika anda mahu. Antaranya: Sunday swap meets/atau lebih dikenali sebagai Sunday markets (di Belmont, Canning

Vale dan Karinyup), Good Sammy atau Salvation Army stores, Fridges & Washers, Majalah Quokka (dengan tawaran istimewa), e-bay, sahabat-sahabat yang ingin pulang ke Malaysia – iklan jualan mengosongkan rumah, surat khabar dan jualan garaj setiap hari Sabtu dan Ahad. Anda perlu bijak membeli belah barang-barang besar kerana kos penghantaran juga akan dikenakan. Perlu juga diingatkan bahawa kadangkala anda perlu menguruskan sendiri penghantaran barang-barang yang telah dibeli. Mungkin adalah lebih baik membeli barang-barang rumah sekali harung setelah anda menerima kunci rumah.

## **10. Sokongan akademik**

Jangan risau kerana terdapat banyak sokongan akademik di setiap universiti.

## **11. Menangani penyelia / pensyarah**

Banyakkan berbincang dan bertanya dengan senior anda dan belajar dari pengalaman.

## **12. Pendaftaran dengan Konsulat Jeneral Malaysia di Perth, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Jabatan Pelajar Malaysia Australia (MSDA) dan Persatuan Pelajar Pasca-Siswazah Malaysia – Western Australia (MyPSA-WA)**

Anda perlu melakukan perkara ini setelah kesemua urusan anda selesai. Untuk mendaftarkan diri dengan Konsulat Malaysia Perth, ikut rangkaian di bawah, klik Registration of Malaysian in WA, muat turun dan isi borang tersebut. Hantar borang yang telah diisi lengkap ke alamat email berikut : [mwperth@cgmperth.net](mailto:mwperth@cgmperth.net)

[http://www.kln.gov.my/web/aus\\_perth/home](http://www.kln.gov.my/web/aus_perth/home) [Konsulat Jeneral Malaysia - Perth]

<http://www.mypsa-wa.org/daftarkonsulat.pdf> [Muat turun Borang Pendaftaran]

[http://www.amwa.org.au/docs/CForm\\_Registion.doc](http://www.amwa.org.au/docs/CForm_Registion.doc) [Muat turun Borang Pendaftaran]

Untuk mendaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Pelajar Malaysia Australia sebagai pelajar pra dan pasca-siswazah, sila layari laman web ini, klik kepada pendaftaran pelajar, isi borang dan hantar secara online.

<http://www.mohe.gov.my/stdinfo/laman.php> [Borang pendaftaran pelajar dengan KPT]

[http://www.msda.org.au/index.php?p=2\\_3](http://www.msda.org.au/index.php?p=2_3) [Borang pendaftaran pelajar dengan MSDA]

Anda adalah digalakkan untuk menyertai Persatuan Pelajar Malaysia di universiti masing-masing dan digalakkan untuk menjadi ahli Pesatuan Pelajar-pelajar Pasca-Siswazah Malaysia – Western Australia (MyPSA-WA). MyPSA-WA adalah sebuah persatuan pelajar yang berdaftar di bawah Jabatan Penuntut Malaysia Australia (MSDA) bertujuan untuk menjaga kebajikan pelajar pasca-siswazah.

- **Pegawai Jabatan Penuntut Malaysia Australia (MSDA) di Perth**

Nama : Encik Rudy Adrie Hj Idris

email : msd@cgmpertth.net

No Pejabat : 0892257055

No HP : 0450401973 (Membuat panggilan / SMS dari Malaysia +6145040197)

Selain itu MyPSA-WA juga menganjurkan pelbagai aktiviti sepanjang tahun, memberi sokongan dari segi akademik dan juga kebajikan pelajar-pelajar Malaysia terutamanya pelajar-pelajar pasca-siswazah dalam menempuh alam sebagai seorang pelajar. Kepada anda yang berminat untuk menjadi ahli MyPSA-WA diminta menghubungi wakil-wakil universiti yang dilantik (EXCO MyPSA-WA Sesi 2010/2011) seperti berikut :

- **Curtin University of Technology**

Wakil : Zainatul Shima Abdullah

email : shimaabdull@gmail.com, shimaabdull@gmail.com

No HP : 0410806298 (Membuat panggilan / SMS dari Malaysia +61410806298)

- **The University of Western Australia**

Wakil : Effah Yahya

email : effahyahya@yahoo.com

No HP : 0431032342 (Membuat panggilan / SMS dari Malaysia +61431032342)

- **Murdoch University, Edith Cowan University (ECU) & Notre Dame University**

Wakil : Nurul 'Ain Jabit

email : churain\_6@yahoo.com

No HP : 0431466259 (Membuat panggilan / SMS dari Malaysia +61431466259)

Yuran Keahlian adalah sebanyak AUD10 (bayar sekali sahaja ketika pendaftaran) dan Yuran tahunan sebanyak AUD10 (Kitaran yuran tahunan adalah bermula 1 Jan dan berakhir 31 Disember setiap tahun) dan yuran berkenaan hendaklah dibayar kepada Bendahari MyPSA-WA atau wakil-wakil universiti yang dinyatakan di atas. Bayaran bagi ahli yang sudah berkahwin adalah **termasuk pasangan samada pelajar/bukan pelajar**. Segala maklumat mengenai pendaftaran MyPSA-WA boleh didapati dalam laman web :

<http://www.mypsa-wa.org> [Laman Web MyPSA-WA]

[http://mypsa-wa.org/index.php?option=com\\_comprofiler&task=registers](http://mypsa-wa.org/index.php?option=com_comprofiler&task=registers) [Daftar ahli]

Pertanyaan mengenai kewangan, yuran keahlian & tahunan, sila hubungi :

- **Bendahari MyPSA-WA Sesi 2010/2011**  
Nama : Nor Hanani Ahamad Rapani  
email : hanani.rapani@gmail.com  
No HP : 0413178039 (Membuat panggilan / SMS dari Malaysia +61413178039)

### **13. Masjid di Perth**

Terdapat beberapa tempat yang boleh anda tuju untuk bersolat, termasuk solat jumaat. Masjid Al-Hidayah di Rivervale [di mana kebanyakan orang Malaysia bersolat], Masjid Turki di Welshpool, Masjid Mirrabooka, Masjid Thornlie, Masjid Mayland, Masjid As-Sunnah di Cannington, Masjid Ar Rukun di Rockingham, Masjid Al-Majid di Padbury dan juga Masjid Perth [di dalam bandar] di William Street. Ada juga “musalla” atau tempat bersolat di Pusat Membeli Belah Harbour Town di Wellington St., di universiti termasuk di UWA, Curtin University of Technology, Murdoch University, Edith Cowan University dan Al-Hidayah Islamic College.

Anda boleh mendapatkan jadual waktu solat [taqwim] di kebanyakan kedai-kedai daging halal, atau anda boleh muat turun daripada :

<http://islam.iinet.net.au>

<http://www.islamicfinder.org>

### **14. Klinik dan hospital di Perth**

Ada beberapa klinik dan hospital di sekitar Perth. Proses atau system di sini adalah berbeza dengan Malaysia. Anda perlu ada mendaftar insurans Overseas Student Health Cover [OSHC]. Hubungi University International Office jika anda masih tidak mempunyai kad tersebut atau terus mendaftar melalui laman web OSHC seperti di bawah.

<http://www.oshcworldcare.com.au>

[Laman web OSHC - Worldcare]

<http://www.medibank.com.au/Client/StaticPages/OSHCHome.aspx>

[Laman web OSHC – Medibank Private]

Anda perlu membuat temujanji jika ingin berjumpa dengan doktor. Perkara ini juga adalah sama jika anda ingin pergi ke klinik termasuk yang berada di dalam kampus. Setiap hospital menawarkan servis yang berbeza mengikut kumpulan sasaran :

- Untuk kanak-kanak dan bayi – Princess Margaret Hospital, Subiaco
- Untuk urusan perbidanan dan bersalin – King Edward’s Hospital, Subiaco

- Untuk orang dewasa – Sir Charles Gairdner Hospital, Nedlands [berdekatan UWA]

Jika ada kecemasan, anda perlu mengenalpasti hospital untuk dituju. Untuk pengetahuan anda, tidak kesemua hospital mempunyai jabatan kecemasan. Jika anda berada di sekitar Curtin atau Murdoch, untuk kecemasan, anda mungkin boleh pergi ke St. John of God Hospital, South Street [berdekatan Murdoch] atau Royal Perth Hospital di bandar Perth.

Anda juga boleh mendapatkan khidmat rawatan dengan percuma sekiranya anda mempunyai insurans OSHC. Senarai doktor bertauliah yang berdaftar dengan OSHC boleh didapati melalui laman web :

[http://www.oshcworldcare.com.au/member\\_student/medical\\_providers.aspx](http://www.oshcworldcare.com.au/member_student/medical_providers.aspx)

## 15. Talian komunikasi dan perhubungan

### TELEFON RUMAH

Syarikat telekomunikasi utama di WA adalah Telstra (seperti Telekom di Malaysia). Sila lihat rangkaian di bawah untuk melihat kadar plan.

[http://www.telstra.com.au/homephone/plans/compare\\_and\\_order\\_a\\_plan.html](http://www.telstra.com.au/homephone/plans/compare_and_order_a_plan.html)

Telstra juga menyediakan talian internet BigPond (seperti Streamyx di Malaysia),

<http://www.bigpond.com/internet/plans>

Tetapi jika ingin masukkan Internet, anda tidak boleh ambil plan yang paling murah (talian telefon rumah - Telstra). Sila semak semula dengan Telstra. Anda boleh menyambungkan kedua-dua servis talian telefon rumah dan internet pada masa yang sama kerana ia di bawah syarikat yang sama.

Selain daripada itu terdapat beberapa syarikat komunikasi yang menawarkan pelan yang lebih berpatutan seperti iiNet dan dodo. Syarikat-syarikat ini juga menawarkan talian telefon rumah dan internet. Anda hanya perlu membandingkan kadar pelan yang ditawarkan di rangkaian berikut :

<http://www.iinet.net.au>

<http://www.dodo.com.au/public.aspx>

### TALIAN MUDAH ALIH

Terdapat beberapa syarikat telekomunikasi mudah alih seperti Optus, 3, Vodaphone dan lain-lain. Kebanyakan pelajar-pelajar dan rakyat Malaysia di Perth menggunakan Optus prabayar dan juga 3. Panggilan percuma akan diberikan jika anda menelefon rakan anda yang menggunakan talian mudah alih yang sama.

Satu pilihan yang baik adalah Optus Turbocharge pelan prabayar. Bila anda memenuhkan (topup) kredit anda sebanyak AUD30, anda akan mendapat kredit untuk AUD150 (AUD30 di antaranya hanya boleh ke 5 telefon mudah alih Optus yang anda telah daftarkan). Ini amat baik bagi mereka yang baru tiba dan tiada telefon rumah untuk menelefon agen rumah dan juga menelefon ke Malaysia.

Kadar yang agak mahal akan dikenakan jika anda ingin menelefon ke Malaysia menggunakan telefon rumah atau telefon mudah alih. Namun sesetengah pelan bagi talian mudah alih berdaftar adalah termasuk kadar telefon ke luar negara dan pelan ini menawarkan kadar istimewa yang lebih murah.

Berikut adalah senarai laman web penyedia perkhidmatan talian mudah alih :

<http://www.optus.com.au/home/index.html>

<http://www.three.com.au>

<http://www.vodafone.com.au/personal/index.htm>

#### **KAD PANGGILAN JAUH**

Selain daripada itu kad telefon panggilan jauh seperti Time Pacific, Chat Chat, Shout dll juga adalah pilihan yang baik untuk membuat panggilan ke Malaysia terutama kepada mereka yang menggunakan talian mudah alih prabayar. Namun anda perlu mendial menggunakan telefon rumah. Kadar yang dikenakan adalah sama seperti panggilan tempatan [sebaik-baiknya jika ingin menelefon ke Malaysia dengan kad telefon panggilan jauh ini menggunakan telefon rumah, anda mungkin boleh mengambil plan panggilan tempatan untuk talian rumah anda di mana ia menawarkan pelan yang paling murah bagi setiap panggilan]. Terdapat kad yang boleh digunakan sehingga lebih dari 600 minit ke telefon rumah dan lebih 200 minit ke talian mudah alih di Malaysia. Namun, masalah yang biasa berlaku ketika menggunakan kad ini adalah kadangkala anda sukar menembusi dan mendapatkan talian. Oleh yang demikian, anda perlu membandingkan kad-kad yang paling baik dan sesuai.

#### **16. Tempat-tempat menarik untuk dilawati**

Setelah urusan-urusan awal seperti urusan perumahan, pendaftaran, persekolahan anak-anak dll selesai mungkin anda ingin melawat tempat-tempat menarik di sekitar WA. Terdapat banyak destinasi yang boleh dilawati, anda hanya perlu layari laman web bercuti di Perth dan teruskan perancangan anda.

Ada beberapa tempat-tempat menarik di sekitar Perth yang anda boleh lawati, bergantung kepada minat anda. Sebagai contoh, muzium berada di sebelah stesen keretapi Perth, King's Park [berdekatan dengan UWA] adalah satu tempat menarik yang anda tidak boleh lepaskan, dengan

taman botani, taman permainan kanak-kanak, tempat BBQ dan kawasan perkelahan, dan trek jogging adalah antara yang ada di sana. Taman-taman lain adalah seperti Matilda Bay [di seberang jalan UWA], Burswood Park [berdekatan Victoria Park], Sir James Mitchell Park [South Perth], Point Walter Park [Bicton, berdekatan dengan Fremantle], dan Coogee Park [berdekatan Fremantle].

Anda boleh berkunjung ke Whiteman Park [Caversham Wildlife Park] di mana anda boleh menyentuh sendiri koala, kangaroo, dan juga wombat. Manakala di Mandurah, anda boleh melihat terusan seperti di Venice dan jika bernasib baik anda mungkin dapat melihat ikan lumba-lumba.

Jika anda suka memancing, ada banyak tempat memancing di sini! Semasa musim panas anda mungkin ingin pergi menangkap ketam di Pinjarra & Mandurah.

Semasa musim cuti, anda juga ingin pergi ke utara Perth – Pinnacles, Wave Rock, dan di bahagian selatan – Albany, Margaret River, Busselton, Augusta dan Bunbury.

Manakala jika anda ingin mencari cenderamata yang murah, anda boleh pergi ke Market E-Shed di Fremantle. Fremantle yang merupakan pelabuhan dan pekan lama juga adalah tempat yang sesuai untuk anda berjalan-jalan dan bersiar-siar.

## **17. Nombor untuk dihubungi**

Kami mempunyai senarai email dan nombor telefon bagi hampir kesemua pelajar-pelajar pasca-siswazah di dalam laman web MyPSA-WA. Ini bagi memudahkan anda menghubungi sesiapa yang berkenaan jika sekiranya anda memerlukan bantuan, ingin mengajukan pertanyaan dan sebagainya atau jika ada sebarang pertanyaan anda boleh menghubungi mana-mana AJK MyPSA-WA. Maklumat mengenai AJK MyPSA-WA boleh didapati dalam laman web MyPSA-WA seperti berikut :

<http://www.mypsa-wa.org>

Anda juga perlu mengetahui nombor-nombor penting jika berlaku kecemasan :

- Polis **131 444**
- Servis kecemasan, kebakaran atau ambulan **000**